



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ISSN 2735-1823



9 772735 182009

# LAPORAN STATISTIK **TENAGA BURUH**

## JANUARI 2022

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# LAPORAN TENAGA BURUH MALAYSIA

## JANUARI 2022

### Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun.

Tema sambutan MyStats Day adalah  
*“Connecting the World with Data We Can Trust”*

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA**

Tel. : 03-8885 7000  
Faks : 03-8888 9248  
Portal : <https://www.dosm.gov.my>  
Facebook / Twitter / Instagram : StatsMalaysia  
Emel : info@dosm.gov.my ((pertanyaan umum)  
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 09 Mac 2022

**Hakcipta terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2735 - 1823

## KATA PENGANTAR

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB). Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh digunakan sebagai input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan tenaga buruh bagi Januari 2022 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh yang memasuki pelbagai fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN). Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung PPN dalam memulihkan ekonomi serta mengekang penularan COVID-19. Pengguna dinasihatkan untuk mentafsirkan statistik bulanan dengan berhati-hati memandangkan ianya tidak dibuat pelarasaran musim. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya turut dilaporkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada responden dan semua pihak yang telah menyumbang kepada pelaksanaan survei dan penyediaan penerbitan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

Mac 2022

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## ISI KANDUNGAN

MUKA  
SURAT

Isi Kandungan	i
Glosari	ii
Akronim	iv
Infografik	v

Sorotan Utama	1
<b>1. Pengenalan</b>	<b>2</b>
<b>2. Guna Tenaga</b>	<b>2</b>
<b>3. Pengangguran</b>	<b>4</b>
<b>4. Tenaga Buruh</b>	<b>5</b>
<b>5. Luar Tenaga Buruh</b>	<b>6</b>
<b>6. Inisiatif Kerajaan</b>	<b>7</b>
<b>7. Menuju ke Hadapan</b>	<b>9</b>

### Senarai Jadual

<b>Jadual A</b>	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2020	<b>A-1</b>
<b>Jadual B</b>	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Keempat 2021	<b>A-2</b>
<b>Jadual B1</b>	: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2021	<b>A-3</b>
<b>Jadual B2</b>	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2021	<b>A-4</b>
<b>Jadual B3</b>	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2021	<b>A-4</b>
<b>Jadual C</b>	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Januari 2022	<b>A-5</b>
<b>Jadual C1</b>	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - Januari 2022	<b>A-8</b>
<b>Jadual C2</b>	: Pengangguran belia dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - Januari 2022	<b>A-10</b>
<b>Jadual C3</b>	: Penduduk bekerja mengiku taraf pekerjaan, Januari 2016 - Januari 2022	<b>A-12</b>
<b>Jadual D</b>	: Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2020	<b>A-14</b>
<b>Jadual E</b>	: Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2020	<b>A-15</b>
<b>Jadual F</b>	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2020	<b>A-17</b>
<b>Jadual G</b>	: Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, Januari 2021 - Januari 2022	<b>A-18</b>

## GLOSARI

Aktiviti ekonomi	: Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Bekerja	: Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
Bekerja sendiri	: Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Mereka yang mempunyai pendidikan tertiarai dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.
Kadar penyertaan tenaga buruh	: Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 mengikut. Mahir - 1. Pengurus; 2. Profesional; 3. Juruteknik dan profesional bersekutu; Separuh mahir - 4. Pekerja sokongan pengkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 8. Operator loji dan mesin serta pemasangan; Berkemahiran rendah - 9. Pekerjaan asas. Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 – Angkatan tentera.
Luar tenaga buruh	: Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
Majikan	: Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.

## GLOSARI

Menganggur	Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	: Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
Pekerja	: Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
Pekerja keluarga tanpa gaji	: Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
Penganggur aktif	: Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
Penganggur tidak aktif	: Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
Tenaga buruh	: Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

## AKRONIM


ADF	: <i>Automation &amp; Digitalisation Facility</i>
AES	: <i>All-Economic Sector Facility</i>
AF	: <i>Agrofood Facility</i>
BNM	: Bank Negara Malaysia
CENDANA	: <i>Cultural Economy Development Agency</i>
CATI	: <i>Computer Assisted Telephone Interview</i>
DanaNITA	: Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita
DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
DPGS	: Skim Jaminan Danajamin Prihatin
GLC	: <i>Government-linked company</i>
ILO	: International Labour Organizations
IP	: Indeks Pelopor
KPT-CAP	: Program Peningkatan Kerjaya
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MARA	: Majlis Amanah Rakyat
MDEC	: <i>Malaysia Digital Economy Corporation</i>
M/S	: Muka surat
MTCs	: Syarikat Pertengahan Teknikal dan Digital
MySTEP	: <i>Malaysia Short-Term Employment Programme</i>
MYWiT	: <i>MyDigitalWorkforce in Tech</i>
p	: Data awalan berdasarkan purata dua belas bulan pada tahun 2021
PERKESO	: Pertubuhan Keselamatan Sosial
PKP	: Perintah Kawalan Pergerakan
PKS	: Perusahaan Kecil dan Sederhana
ProSPEC	: Program Pembangunan Usahawan Profesional
PPN	: Pelan Pemulihan Negara
PSU	: Program Subsidi Upah
SPIM	: Skim Pembiayaan Informal dan Mikro
SPUMI	: Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India
SRF	: <i>Special Relief Facility</i>
STB	: Survei Tenaga Buruh
TRRF	: Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar



## TENAGA BURUH MALAYSIA JANUARI 2022

Bilangan penganggur terus menurun kepada 680.4 ribu orang mencatatkan kadar pengangguran 4.2 peratus pada Januari 2022

### TENAGA BURUH




**69.1%**

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pada Januari meningkat kepada 69.1 peratus, mencerminkan aktiviti ekonomi yang menggalakkan pada bulan tersebut.

### PENDUDUK BEKERJA



#### Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan



Komposisi terbesar penduduk bekerja adalah kategori pekerja yang merangkumi 76.7 peratus.

Semua kategori merekodkan peningkatan bulan ke bulan pada Januari 2022.

### PENGANGGURAN



**4.2%**

Kadar pengangguran pada bulan tersebut kekal pada 4.2 peratus

#### Penganggur aktif

Jan 2022 : 569.5 ribu  
Dis 2021 : 576.5 ribu

▼ 13.4% ▼ 1.2%

#### Penganggur tidak aktif

Jan 2022 : 110.9 ribu  
Dis 2021 : 111.1 ribu

▼ 11.5% ▼ 0.2%

### LUAR TENAGA BURUH



Bersekolah/latihan merupakan sebab luar tenaga buruh



BERSEKOLAH/ LATIHAN



KERJA RUMAH/ TANGGUNGJAWAB KELUARGA

**41.4%**



## KONSEP DAN DEFINISI



### Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi daerah pentadbiran dalam semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan taraf sebenar melalui kaedah temu ramah bersemuka, Computer Assisted Telephone Interview (CATI) dan telefon.

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organizations (ILO)*.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.



#### TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.



#### LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.



#### BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.



#### PENGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.



#### KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.



#### KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

## SOROTAN UTAMA

- Pada bulan tersebut, **pertumbuhan positif bulan ke bulan dalam penduduk bekerja berterusan pada Januari 2022** dengan **0.2 peratus (+37.5 ribu orang)** merekodkan **15.69 juta orang** (Disember 2021: 15.65 juta orang). **Nisbah guna tenaga kepada penduduk** yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga **meningkat sebanyak 0.1 mata peratus** kepada **66.2 peratus** pada Januari 2022 berbanding 66.1 peratus pada bulan sebelumnya.
- Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan bulan ke bulan terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman, Perdagangan borong & runcit; dan Maklumat & komunikasi. Trend yang sama juga dilihat dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan dengan bilangan guna tenaga kekal meningkat. Sebaliknya, guna tenaga dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian berada dalam trend menurun sejak lapan belas bulan yang lalu.
- Komposisi terbesar penduduk bekerja adalah **kategori pekerja** yang merangkumi **76.7 peratus**, mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus atau 13.0 ribu orang kepada **12.03 juta orang** (Disember 2021: 12.02 juta orang). Begitu juga, kategori **penduduk bekerja sendiri** terus meningkat dengan mencatatkan **2.66 juta orang (+0.6% atau +16.0 ribu orang)** pada Januari 2022 (Disember 2021: 2.64 juta orang).
- Bilangan **penganggur** terus menurun pada Januari 2022 kepada **680.4 ribu orang**, berkurang sebanyak **1.1 peratus (-7.3 ribu orang)** berbanding Disember 2021 (687.6 ribu orang). **Kadar pengangguran** pada bulan tersebut **kekal pada 4.2 peratus**.
- Bilangan **tenaga buruh** pada **Januari 2022 kekal positif dengan pertambahan sebanyak 30.2 ribu orang** atau **0.2 peratus** bulan ke bulan untuk mencatatkan **16.37 juta orang** (Disember 2021: 16.34 juta orang). Justeru, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** pada Januari **meningkat kepada 69.1 peratus** (Disember 2021: 69.0%).
- Bilangan **luar tenaga buruh** pada Januari 2022 terus menurun kepada **7.33 juta orang** dengan pengurangan sebanyak **5.6 ribu orang** atau **0.1 peratus** (Disember 2021: 7.34 juta orang). **Bersekolah/ latihan** merupakan sebab utama luar tenaga buruh dengan peratus sumbangan sebanyak 41.4 peratus, diikuti oleh kategori **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** (41.3%).
- Prospek ekonomi yang lebih optimis dijangka pada bulan-bulan akan datang digambarkan oleh Indeks Pelopor yang melebihi 100.0 mata secara berterusan dan meningkat pada Disember 2021. Prospek yang positif ini akan mendorong kepada peningkatan dalam aktiviti perniagaan dan seterusnya akan mewujudkan lebih banyak permintaan buruh dalam ekonomi. Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan akan menggalakkan penyertaan buruh yang lebih ramai, sekali gus mendorong pasaran buruh untuk menjadi lebih rancak pada bulan-bulan yang akan datang.

## **1 SITUASI TENAGA BURUH SEMAKIN BAIK PADA JANUARI 2022 DIDORONG OLEH PENINGKATAN DALAM GUNA TENAGA MANAKALA PENGANGGUR DALAM TREND MENURUN**

Aktiviti ekonomi yang menggalakkan dapat dilihat pada Januari 2022 berikutan semua negeri telah berada dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) termasuk negeri Kelantan dan Sarawak yang berkuatkuasa mulai 3 Januari 2022. Situasi ini telah mendorong perniagaan untuk terus beroperasi pada kapasiti penuh dengan waktu perniagaan yang lebih panjang. Pada bulan tersebut, kadar vaksinasi penduduk Malaysia juga semakin meningkat ditambah dengan majoriti penduduk telah menerima dos penggalak. Sehingga 30 Januari 2022<sup>1</sup>, 50.8 peratus penduduk dewasa telah menerima dos penggalak COVID-19, manakala 97.9 peratus penduduk dewasa telah selesai menerima dua dos vaksinasi. Justeru, ia memberi keyakinan kepada negara untuk membuka ekonomi secara berterusan.

Berbanding bulan Januari tahun lalu, pasaran buruh berada dalam kedudukan yang mencabar dengan kebanyakan negeri berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan peningkatan jumlah kes baharu COVID-19. Dalam tempoh ini, hanya lima sektor ekonomi penting yang dibenarkan beroperasi manakala perjalanan rentas negeri dan daerah tidak dibenarkan.

Justeru, kedudukan tenaga buruh semakin baik pada Januari 2022 berbanding Disember 2021, didorong oleh peningkatan guna tenaga yang berterusan manakala penganggur dalam trend menurun. Trend yang sama juga dilihat bagi perbandingan tahun ke tahun dengan peningkatan yang signifikan dalam tenaga buruh. Sementara itu, Indeks Pelopor (IP) berterusan melebihi 100.0 mata dan meningkat pada bulan Disember 2021 menunjukkan prospek ekonomi yang lebih optimis pada bulan-bulan akan datang (November 2021: 111.3 mata) walaupun kes COVID-19 melonjak. Walau bagaimanapun, bagi indikator perdagangan luar negeri bulanan, kedua-dua eksport dan import mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 10.6 peratus (Disember 2021: 10.4%) dan 0.6 peratus (Disember 2021: -0.4%).

## **2 Pertumbuhan positif bulan ke bulan bagi penduduk bekerja berterusan pada Januari 2022**

Pada bulan tersebut, **pertumbuhan positif bulan ke bulan dalam penduduk bekerja berterusan pada Januari 2022 dengan 0.2 peratus (+37.5 ribu orang)** merekodkan **15.69 juta orang** (Disember 2021: 15.65 juta orang). Sementara itu, bilangan penduduk bekerja kekal pada trend meningkat tahun ke tahun dengan mencatatkan 2.9 peratus atau 448.8 ribu orang (Januari 2021: 15.24 juta orang).


Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan bulan ke bulan terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman, Perdagangan borong & runcit; dan Maklumat & komunikasi. Trend yang sama juga dilihat dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan dengan bilangan guna tenaga kekal meningkat. Sebaliknya, guna tenaga dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian berada dalam trend menurun sejak lapan belas bulan yang lalu.

**Nisbah guna tenaga kepada penduduk** yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga meningkat sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **66.2 peratus** pada Januari 2022 berbanding 66.1 peratus pada bulan sebelumnya. Begitu juga, tahun ke tahun, nisbah

<sup>1</sup> <https://covidnow.moh.gov.my/vaccinations/>


ini bertambah sebanyak 1.0 mata peratus daripada 65.2 peratus pada Januari 2021. [Carta 1]

**Carta 1:** Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2018 - Januari 2022



Komposisi terbesar penduduk bekerja adalah **kategori pekerja** yang merangkumi **76.7 peratus**, mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus atau 13.0 ribu orang kepada **12.03 juta orang** (Disember 2021: 12.02 juta orang). Begitu juga, kategori **penduduk bekerja sendiri** terus meningkat dengan mencatatkan **2.66 juta orang** (+0.6% atau +16.0 ribu orang) pada Januari 2022 (Disember 2021: 2.64 juta orang). Kategori ini sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit; penjaja; penjual di pasar dan gerai serta pekebun kecil. [Carta 2]

**Carta 2:** Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Disember 2021 dan Januari 2022




**Bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu merekodkan penurunan pada Januari 2022 sebanyak 33.2 ribu orang (-26.2%) kepada 93.5 ribu orang berbanding Disember 2021 (126.7 ribu orang). Ini menggambarkan operasi berterusan bagi semua aktiviti perniagaan dan sosial sepanjang bulan tersebut. Begitu juga, berbanding bulan Januari tahun lalu, kategori ini terus menurun sebanyak 65.4 ribu orang (Januari 2021: 158.9 ribu orang). Kumpulan ini yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.**

### 3 Kadar pengangguran pada Januari 2022 kekal pada 4.2 peratus

Bilangan **penganggur** terus menurun pada Januari 2022 merekodkan seramai **680.4 ribu orang**, berkurang sebanyak **1.1 peratus (-7.3 ribu orang)** berbanding Disember 2021 (687.6 ribu orang). **Kadar pengangguran** pada bulan tersebut **kekal pada 4.2 peratus**.


Perbandingan dengan bulan yang sama tahun sebelumnya, bilangan **penganggur** mencatatkan penurunan sebanyak **13.1 peratus** atau bersamaan dengan **102.2 ribu orang** (Januari 2021: 782.5 ribu orang), seterusnya kadar pengangguran jatuh sebanyak 0.7 mata peratus (Januari 2021: 4.9%). Penurunan tahun ke tahun yang ketara ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan PKP di Semenanjung Malaysia pada bulan Januari tahun lalu. [Carta 3]

**Carta 3:** Penganggur dan kadar pengangguran, 1982 - 2021<sup>p</sup> dan Januari 2020 - Januari 2022



Mengikut kategori pengangguran, **83.7 peratus** daripada jumlah penganggur adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau **penganggur aktif**, mencatatkan penurunan sebanyak **1.2 peratus (-7.0 ribu orang)** kepada **569.5 ribu orang** (Disember 2021: 576.5 ribu orang). Seterusnya, **56.3 peratus** adalah **penganggur kurang daripada tiga bulan** manakala 7.5 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun<sup>2</sup>. Bagi **penganggur tidak aktif** atau mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia berkurang sebanyak **0.2 peratus** atau bersamaan dengan **0.2 ribu orang** merekodkan **110.9 ribu orang** (Disember 2021: 111.1 ribu orang). [Carta 4]


**Carta 4:** Kategori penganggur dan tempoh menganggur, Disember 2021 dan Januari 2022



<sup>2</sup> Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Source: KILM 11: long-term Unemployment) [https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dqreports/---stat/documents/publication/wcms\\_422451.pdf](https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dqreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf)

**Kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun menurun sebanyak 0.5 mata peratus kepada 13.2 peratus pada Januari 2022.** Bilangan penganggur belia bagi kumpulan umur ini menurun sebanyak 3.3 ribu orang (-0.9%) kepada 364.5 ribu orang (Disember 2021: 367.7 ribu orang). Trend yang sama juga dilihat dalam kadar pengangguran bagi umur **15 hingga 30 tahun** yang berkurang kepada **8.3 peratus**, mencatatkan 521.8 ribu orang penganggur (Disember 2021: 8.5%; 533.8 ribu orang). [Carta 5]

**Carta 5:** Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - Januari 2022




#### 4 KPTB pada Januari meningkat kepada 69.1 peratus

Bilangan **tenaga buruh** pada **Januari 2022** kekal positif dengan pertambahan sebanyak **30.2 ribu orang** atau **0.2 peratus** bulan ke bulan untuk mencatatkan **16.37 juta orang** (Disember 2021: 16.34 juta orang). Justeru, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** pada Januari meningkat kepada **69.1 peratus** (Disember 2021: 69.0%).


Begini juga, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 346.6 ribu orang (2.2%) berbanding 16.02 juta orang pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 0.6 mata peratus (Januari 2021: 68.5 %). [Carta 6]

**Carta 6:** Tenaga buruh dan KPTB, 1982 - 2021<sup>P</sup> dan Januari 2020 - Januari 2022



Pada bulan tersebut, bilangan **tenaga buruh lelaki** meningkat kepada **10.05 juta orang** (Disember 2021: 10.01 juta orang) manakala **tenaga buruh wanita** menurun kepada **6.31 juta orang** (Disember 2021: 6.33 juta orang). Dari segi KPTB, **KPTB lelaki tidak berubah** pada **81.9 peratus** manakala **KPTB wanita meningkat** kepada **55.3 peratus**. Bagi perbandingan tahun ke tahun, KPTB lelaki dan wanita masing-masing meningkat sebanyak 1.0 mata peratus (Januari 2021: 80.9%) dan 0.1 mata peratus (Januari 2021: 55.2%). [Carta 7]


**Carta 7:** Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - Januari 2022



## 5 Bersekolah/ latihan merupakan sebab utama luar tenaga buruh

Bilangan **luar tenaga buruh** pada Januari 2022 terus menurun kepada **7.33 juta orang** dengan pengurangan sebanyak **5.6 ribu orang** atau **0.1 peratus** (Disember 2021: 7.34 juta orang). Begitu juga, tahun ke tahun, bilangan luar tenaga buruh berkurang sebanyak 34.1 ribu orang (0.5%) berbanding Januari 2021 (7.37 juta orang). **Bersekolah/ latihan** merupakan sebab utama luar tenaga buruh dengan peratus sumbangan sebanyak 41.4 peratus, diikuti oleh kategori **kerja rumah/tanggungjawab keluarga** (41.3%). [Carta 8]

**Carta 8:** Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Disember 2021 dan Januari 2022



## **6 INISIATIF KERAJAAN<sup>3</sup>**

Di bawah Pakej PRIHATIN, Program Subsidi Upah (PSU) merupakan bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan untuk memastikan pekerja dapat mengekalkan pekerjaan mereka. Sehingga 11 Februari 2022, sejumlah 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja berdaftar telah mendapat manfaat melalui PSU 1.0 dengan subsidi upah yang diluluskan telah mencapai RM12.96 bilion. Selaras dengan itu, di bawah Pakej Kita PRIHATIN melalui PSU 2.0, sebanyak RM1.41 bilion telah disalurkan kepada 81,119 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan seramai 717,854 pekerja. Selain itu, di bawah Belanjawan 2021 melalui PSU 3.0, sebanyak RM3.7 bilion telah disalurkan kepada 162,071 majikan untuk mengekalkan seramai 1.52 juta pekerja. Seterusnya, melalui PSU 4.0 di bawah Pakej PEMULIH, RM2.28 bilion telah disalurkan kepada 147,788 majikan dan 1.76 juta pekerja. Sementara itu, sebanyak RM17.44 juta telah disalurkan kepada 1,744 majikan untuk mengekalkan seramai 29,065 pekerja melalui PSU 5.0.

Dalam pada itu, di bawah Belanjawan 2022, *Malaysia Short-Term Employment Programme* (MySTEP) menawarkan 80,000 pekerjaan kontrak yang terdiri daripada 50,000 pekerjaan di sektor awam dan 30,000 pekerjaan di *Government-linked company* (GLC) dan rakan strategik bermula Januari 2022. Sehingga 23 Februari 2022, seramai 1,044 peserta telah berjaya ditempatkan di sektor awam dan GLC. Selain itu, Kerajaan melalui inisiatif Penggajian JaminKerja di bawah PERKESO telah memperuntukkan sebanyak RM2.0 bilion bagi pengambilan pekerja di kalangan warganegara Malaysia bagi tahun 2022. Di samping itu, Kerajaan akan meneruskan Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran melalui pelbagai kementerian dan agensi kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM1.1 bilion dengan menyasarkan sejumlah 220 ribu peluang pekerjaan bagi tahun 2022. Selain itu, di bawah Program Peningkatan Kerjaya (KPT-CAP) yang merupakan salah satu usaha menangani isu graduan menganggur, telah berjaya membantu seramai 19,266 graduan yang menganggur untuk mendapatkan pekerjaan melalui program ini.

Selaras dengan itu, Kerajaan akan meneruskan inisiatif KPT-CAP dengan sasaran untuk menawarkan sebanyak 20,000 peluang pekerjaan kepada graduan bagi tahun 2022. Seterusnya, melalui *MyDigitalWorkforce Work in Tech* (MYWiT), daripada 2,381 pemohon, seramai 313 di bawah program ini berjaya ditempatkan dalam bidang teknologi dan perkhidmatan digital sehingga 11 Februari 2022. Inisiatif ini diperkenalkan oleh kerajaan dengan kerjasama *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pekerja Malaysia dengan menggalakkan syarikat untuk mengambil pekerja tempatan bagi pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital melalui insentif gaji dan subsidi kursus latihan.

Bagi memperkasa perniagaan, Kemudahan Bantuan dan Pemulihian Bersasar (TRRF) merupakan kemudahan pinjaman bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas dalam sektor perkhidmatan dengan peruntukan sebanyak RM8.0 bilion. Selain itu, peruntukan Kemudahan Pertanian Makanan (AF) yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertujuan untuk memacu pemodenan sektor pertanian dalam usaha untuk meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan serta menjana pendapatan lebih tinggi dan menarik lebih ramai generasi muda agropreneur turut ditambah sebanyak RM500 juta menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM2 bilion. Seterusnya, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah memperkenalkan Program Pembangunan Usahawan Profesional (ProSPEC) untuk memberi peluang kepada golongan profesional bagi menceburi bidang keusahawanan dan memahami selok-belok perniagaan berdasarkan kepakaran yang dimiliki. Skim pembiayaan ini menyediakan had pembiayaan sehingga

<sup>3</sup> Segmen ini dimasukkan ke dalam laporan sebagai rujukan pembaca berdasarkan Laporan LAKSANA ke-86 dan ke-85 berkenaan status kelulusan, pembayaran dan pendaftaran setakat 18 dan 25 Februari 2022.

RM500 ribu bagi modal pusingan, pembelian mesin, peralatan atau mengubahsuai premis perniagaan. Di samping itu, Kerajaan melalui Skim Pembiayaan Informal dan Mikro (SPIM) menawarkan pembiayaan sehingga RM10,000 pada kadar keuntungan kosong peratus berserta moratorium selama 12 bulan dalam usaha untuk mempertingkatkan akses pembiayaan kepada sektor perniagaan terutamanya kepada pengusaha PMKS dan sektor informal. Dalam pada itu, Kerajaan turut memperuntukkan dana pembiayaan sebanyak RM230 juta melalui program Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) di MARA dan TEKUNITA menerusi Tekun Nasional bagi membantu usahawan wanita yang terkesan akibat COVID-19 selain meningkatkan kapasiti perniagaan mereka.

Sementara itu, sehingga 11 Februari 2022, sebanyak 26,379 PKS telah mendapat manfaat dengan nilai RM12.59 bilion melalui Dana Pinjaman Mudah PKS oleh BNM yang terdiri daripada *Special Relief Facility (SRF)*; *Automation & Digitalisation Facility (ADF)*; *All-Economic Sector Facility (AES)*; dan AF. Selain itu, sejumlah RM91.8 juta telah disalurkan kepada 13,891 perniagaan untuk menyokong dan menggalakkan PKS dan Syarikat Peringkat Pertengahan Teknikal dan Digital (MTC) untuk mendigitalkan operasi dan saluran perdagangan mereka dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi. Seterusnya, sehingga 18 Februari 2022, sebanyak RM2.06 bilion daripada jumlah jaminan telah diluluskan kepada 58 syarikat berbanding 89 syarikat yang memohon jaminan, di bawah Skim Jaminan Danajamin Prihatin (DPGS), yang memberi tumpuan kepada perniagaan yang berdaya maju dalam semua sektor yang menghadapi kesukaran akibat COVID-19. Sementara itu, sebanyak RM21.72 juta telah disalurkan untuk membantu 902 PKS Mikro melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI), yang merupakan inisiatif strategik di bawah TEKUN yang direka untuk membantu masyarakat India dalam meningkatkan ekonomi mereka melalui penglibatan dalam perniagaan dan keusahawanan. Begitu juga, di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank untuk menyokong Industri Pertanian dan Makanan, sebanyak 19,381 PKS Mikro Pertanian telah dibantu yang melibatkan sejumlah RM241.17 juta. Bagi Pembiayaan Pelancongan PENJANA pula, sebanyak 378 permohonan telah diluluskan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM75.5 juta. Selanjutnya, sebanyak RM6.88 juta telah disalurkan kepada 589 penerima termasuk artis dan organisasi yang terlibat secara aktif dalam industri Seni dan Budaya Malaysia sehingga 18 Februari 2022 melalui inisiatif CENDANA yang direka untuk menyokong Sektor Kesenian, Kebudayaan dan Hiburan.

## 7 MENUJU KE HADAPAN

Prospek ekonomi yang lebih optimis dijangka pada bulan-bulan akan datang digambarkan oleh IP yang melebihi 100.0 mata secara berterusan dan meningkat pada Disember 2021. Prospek yang positif ini akan mendorong kepada peningkatan dalam aktiviti perniagaan dan seterusnya akan mewujudkan lebih banyak permintaan buruh dalam ekonomi. Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan akan menggalakkan penyertaan buruh yang lebih ramai, sekali gus mendorong pasaran buruh untuk menjadi lebih rancak pada bulan-bulan yang akan datang.

Berikut situasi kesihatan semasa yang menyaksikan kes harian baharu semakin meningkat, ia mungkin memberi sedikit cabaran terhadap pasaran buruh. Walau bagaimanapun, memandangkan semakin besar jumlah populasi yang dilindungi oleh program vaksinasi, ia akan dapat membantu dalam mengekang penularan cepat virus tersebut. Sehingga 7 Mac 2022<sup>4</sup>, sebanyak 78.9 peratus daripada penduduk Malaysia telah lengkap divaksin, manakala kadar vaksinasi dewasa adalah sebanyak 97.5 peratus. Dalam pada itu, vaksin COVID-19 bagi kanak-kanak berumur lima hingga

<sup>4</sup> <https://covidnow.moh.gov.my/bm/vaccinations/>

sebelas tahun yang dilaksanakan mulai 3 Februari 2022 semakin meningkat mencatatkan 29.3 peratus. Selain itu, Malaysia kini dalam proses untuk membuka semula sempadan antarabangsa tidak lama lagi, sekali gus akan memberi impak yang lebih positif terhadap aktiviti berkaitan pelancongan dan mengatasi isu berkaitan pasaran buruh, antara lainnya adalah berhubung kekurangan tenaga buruh dalam industri tertentu seperti Perladangan dan Pembinaan.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

# **JADUAL**

**TENAGA BURUH, MALAYSIA  
JANUARI 2022**

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

Jadual A: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2020

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk		Kadar Pengangguran
						('000)	(%)	
1982	5,431.4	5,249.0	182.4	2,944.6	64.8	62.7		3.4
1983	5,671.8	5,457.0	214.9	2,969.4	65.6	63.2		3.8
1984	5,862.5	5,566.7	295.8	3,119.6	65.3	62.0		5.0
1985	5,990.1	5,653.4	336.8	3,124.9	65.7	62.0		5.6
1986	6,222.1	5,760.1	461.9	3,188.3	66.1	61.2		7.4
1987	6,456.8	5,983.9	472.9	3,246.1	66.5	61.7		7.3
1988	6,637.0	6,157.2	479.8	3,301.5	66.8	62.0		7.2
1989	6,779.4	6,390.9	388.5	3,463.5	66.2	62.4		5.7
1990	7,000.2	6,685.0	315.2	3,519.7	66.5	63.6		4.5
1992	7,319.0	7,047.8	271.2	3,783.6	65.9	63.5		3.7
1993	7,700.1	7,383.4	316.8	3,874.9	66.5	63.8		4.1
1995	7,893.1	7,645.0	248.1	4,297.7	64.7	62.7		3.1
1996	8,616.0	8,399.3	216.8	4,379.0	66.3	64.6		2.5
1997	8,784.0	8,569.2	214.9	4,605.1	65.6	64.0		2.4
1998	8,883.6	8,599.6	284.0	4,934.0	64.3	62.2		3.2
1999	9,151.5	8,837.8	313.7	5,098.4	64.2	62.0		3.4
2000	9,556.1	9,269.2	286.9	5,065.1	65.4	63.4		3.0
2001	9,699.4	9,357.0	342.4	5,239.9	64.9	62.6		3.5
2002	9,886.2	9,542.6	343.5	5,473.8	64.4	62.1		3.5
2003	10,239.6	9,869.7	369.8	5,458.6	65.2	62.9		3.6
2004	10,346.2	9,979.5	366.6	5,730.5	64.4	62.1		3.5
2005	10,413.4	10,045.4	368.1	6,048.2	63.3	61.0		3.5
2006	10,628.9	10,275.4	353.6	6,205.1	63.1	61.0		3.3
2007	10,889.5	10,538.1	351.4	6,330.1	63.2	61.2		3.2
2008	11,028.1	10,659.6	368.5	6,575.7	62.6	60.6		3.3
2009	11,315.3	10,897.3	418.0	6,665.7	62.9	60.6		3.7
2010	12,303.9	11,899.5	404.4	7,023.0	63.7	61.6		3.3
2011	12,740.7	12,351.5	389.2	7,023.3	64.5	62.5		3.1
2012	13,221.7	12,820.5	401.2	6,927.4	65.6	63.6		3.0
2013	13,980.5	13,545.4	435.1	6,781.2	67.3	65.2		3.1
2014	14,263.6	13,852.6	411.1	6,821.0	67.6	65.7		2.9
2015	14,518.0	14,067.7	450.3	6,869.9	67.9	65.8		3.1
2016	14,667.8	14,163.7	504.1	6,987.6	67.7	65.4		3.4
2017	14,980.1	14,476.8	503.3	7,065.0	68.0	65.7		3.4
2018	15,280.3	14,776.0	504.3	7,094.4	68.3	66.0		3.3
2019	15,581.6	15,073.4	508.2	7,103.5	68.7	66.4		3.3
2020	15,667.7	14,956.7	711.0	7,225.5	68.4	65.3		4.5

**Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Keempat 2021**

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	("000)		(%)
						Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran	
<b>2010</b>								
ST1	12,239.3	11,801.2	438.1	7,030.8	63.5	61.2	3.6	
ST2	12,304.9	11,900.6	404.3	7,047.5	63.6	61.5	3.3	
ST3	12,354.6	11,961.3	393.3	7,073.5	63.6	61.6	3.2	
ST4	12,522.4	12,137.4	385.0	6,992.9	64.2	62.2	3.1	
<b>2011</b>								
ST1	12,718.3	12,333.5	384.8	7,004.9	64.5	62.5	3.0	
ST2	12,756.0	12,367.4	388.6	7,048.8	64.4	62.4	3.0	
ST3	12,889.0	12,493.0	396.0	6,977.2	64.9	62.9	3.1	
ST4	12,842.5	12,447.9	394.7	7,098.6	64.4	62.4	3.1	
<b>2012</b>								
ST1	13,169.2	12,765.2	404.0	6,915.1	65.6	63.6	3.1	
ST2	13,237.0	12,837.1	400.0	6,946.1	65.6	63.6	3.0	
ST3	13,401.7	13,005.4	396.3	6,897.9	66.0	64.1	3.0	
ST4	13,376.2	12,971.2	405.0	7,062.8	65.4	63.5	3.0	
<b>2013</b>								
ST1	13,539.5	13,118.0	421.5	7,090.0	65.6	63.6	3.1	
ST2	13,945.1	13,524.1	421.0	6,819.6	67.2	65.1	3.0	
ST3	14,214.2	13,776.0	438.3	6,613.0	68.2	66.1	3.1	
ST4	14,195.1	13,739.5	455.6	6,730.7	67.8	65.7	3.2	
<b>2014</b>								
ST1	14,230.8	13,791.4	439.4	6,805.9	67.6	65.6	3.1	
ST2	14,296.1	13,888.5	407.6	6,793.0	67.8	65.9	2.9	
ST3	14,346.9	13,960.6	386.3	6,810.3	67.8	66.0	2.7	
ST4	14,403.3	13,998.7	404.6	6,860.9	67.7	65.8	2.8	
<b>2015</b>								
ST1	14,544.8	14,091.0	453.9	6,798.5	68.1	66.0	3.1	
ST2	14,535.6	14,087.8	447.8	6,897.9	67.8	65.7	3.1	
ST3	14,561.0	14,093.7	467.3	6,930.6	67.8	65.6	3.2	
ST4	14,600.2	14,127.9	472.3	6,952.7	67.7	65.6	3.2	
<b>2016</b>								
ST1	14,596.8	14,095.8	501.0	7,011.5	67.6	65.2	3.4	
ST2	14,665.4	14,161.5	503.9	7,026.0	67.6	65.3	3.4	
ST3	14,710.6	14,202.0	508.5	7,044.6	67.6	65.3	3.5	
ST4	14,771.4	14,260.6	510.8	7,071.7	67.6	65.3	3.5	
<b>2017</b>								
ST1	14,870.1	14,355.9	514.2	7,093.8	67.7	65.4	3.5	
ST2	14,926.4	14,414.8	511.6	7,123.3	67.7	65.4	3.4	
ST3	15,000.2	14,484.0	516.2	7,091.0	67.9	65.6	3.4	
ST4	15,088.3	14,580.5	507.8	7,085.0	68.0	65.8	3.4	
<b>2018</b>								
ST1	15,192.4	14,683.6	508.9	7,093.7	68.2	65.9	3.3	
ST2	15,278.3	14,767.2	511.1	7,073.4	68.4	66.1	3.3	
ST3	15,381.3	14,856.8	524.4	7,077.9	68.5	66.2	3.4	
ST4	15,449.9	14,933.4	516.5	7,070.7	68.6	66.3	3.3	
<b>2019</b>								
ST1	15,526.8	15,010.2	516.6	7,064.2	68.7	66.4	3.3	
ST2	15,598.8	15,078.2	520.6	7,088.1	68.8	66.5	3.3	
ST3	15,674.3	15,162.1	512.1	7,088.7	68.9	66.6	3.3	
ST4	15,766.7	15,254.5	512.2	7,066.1	69.1	66.8	3.2	
<b>2020</b>								
ST1	15,790.1	15,243.5	546.6	7,163.1	68.8	66.4	3.5	
ST2	15,675.5	14,883.7	791.8	7,350.5	68.1	64.6	5.1	
ST3	15,840.6	15,095.6	745.0	7,324.6	68.4	65.2	4.7	
ST4	15,922.3	15,161.6	760.7	7,318.4	68.5	65.2	4.8	
<b>2021</b>								
ST1	16,008.4	15,236.5	771.8	7,316.0	68.6	65.3	4.8	
ST2	15,972.2	15,207.3	764.9	7,424.9	68.3	65.0	4.8	
ST3	16,021.0	15,274.8	746.2	7,430.1	68.3	65.1	4.7	
ST4	16,135.0	15,440.7	694.4	7,361.5	68.7	65.7	4.3	

**Jadual B1 : Penduduk bekerja kurang 30 jam mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia,  
Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2021**

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
<b>2017</b>							
ST1	<b>415.5</b>	177.3	238.2	57.4	79.7	90.8	187.6
ST2	<b>396.8</b>	168.8	228.0	52.8	79.0	95.1	170.0
ST3	<b>393.0</b>	163.2	229.7	57.3	91.1	81.4	163.1
ST4	<b>419.3</b>	173.1	246.2	60.2	105.4	84.3	169.4
<b>2018</b>							
ST1	<b>462.3</b>	172.9	289.3	61.2	119.5	98.7	182.9
ST2	<b>497.2</b>	207.7	289.5	75.5	132.4	101.3	188.0
ST3	<b>442.4</b>	172.7	269.7	56.4	96.7	98.3	191.0
ST4	<b>370.0</b>	140.9	229.0	39.2	80.4	78.9	171.4
<b>2019</b>							
ST1	<b>352.6</b>	143.7	209.0	52.2	90.9	68.9	140.7
ST2	<b>374.3</b>	171.5	202.8	43.6	84.1	87.8	158.8
ST3	<b>326.6</b>	118.9	207.6	42.5	73.6	79.7	130.8
ST4	<b>304.0</b>	112.3	191.8	39.1	62.9	72.8	129.3
<b>2020</b>							
ST1	<b>667.5</b>	320.1	347.4	91.0	189.1	146.5	240.9
ST2	<b>789.6</b>	444.0	345.7	134.6	229.1	182.0	244.0
ST3	<b>403.8</b>	151.4	252.4	116.1	118.0	72.1	97.6
ST4	<b>533.7</b>	345.6	188.0	165.5	189.5	71.0	107.6
<b>2021</b>							
ST1	<b>441.9</b>	281.3	160.5	57.0	209.4	106.3	69.2
ST2	<b>474.1</b>	317.8	156.3	102.2	110.1	95.9	165.9
ST3	<b>464.6</b>	282.9	181.6	69.0	166.4	123.7	105.4
ST4	<b>393.8</b>	137.6	256.1	87.0	108.4	97.5	100.9

**Jadual B2 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia,  
Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2021**

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur				('000)
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih	
<b>2017</b>								
ST1	<b>211.8</b>	105.9	105.8	36.8	51.0	48.6	75.4	
ST2	<b>195.4</b>	97.7	97.8	34.7	45.2	48.9	66.6	
ST3	<b>224.8</b>	109.1	115.7	46.3	59.3	49.8	69.4	
ST4	<b>238.5</b>	115.3	123.2	45.7	69.4	44.9	78.5	
<b>2018</b>								
ST1	<b>242.5</b>	102.4	141.0	37.3	74.1	52.3	79.7	
ST2	<b>231.7</b>	108.1	123.5	40.2	65.8	43.2	82.5	
ST3	<b>235.5</b>	116.5	119.0	43.4	54.4	49.4	88.3	
ST4	<b>204.1</b>	88.1	115.9	30.8	47.5	44.0	81.7	
<b>2019</b>								
ST1	<b>210.5</b>	98.0	112.5	43.6	61.4	36.9	68.6	
ST2	<b>204.5</b>	107.2	97.2	32.0	53.8	45.7	73.0	
ST3	<b>178.7</b>	70.4	108.2	28.6	44.8	50.9	54.4	
ST4	<b>170.7</b>	69.2	101.5	28.7	44.2	40.6	57.1	
<b>2020</b>								
ST1	<b>383.2</b>	183.2	199.9	63.2	114.1	82.4	123.5	
ST2	<b>413.5</b>	257.6	156.0	76.3	99.3	106.1	131.9	
ST3	<b>300.8</b>	102.3	198.5	108.4	97.2	47.4	47.8	
ST4	<b>369.1</b>	267.8	101.3	130.3	117.4	53.1	68.4	
<b>2021</b>								
ST1	<b>310.5</b>	226.7	83.8	46.4	159.3	67.2	37.6	
ST2	<b>329.7</b>	236.1	93.5	86.6	82.6	46.6	113.8	
ST3	<b>326.2</b>	232.2	93.9	40.4	137.0	87.7	61.0	
ST4	<b>293.1</b>	101.2	191.9	80.8	78.9	70.2	63.2	

**Jadual B3 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia,  
Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2021**

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur				('000)
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih	
<b>2017</b>								
ST1	<b>1,182.9</b>	567.0	615.9	280.8	569.0	209.3	123.8	
ST2	<b>1,280.6</b>	584.9	695.7	317.9	587.7	226.9	148.1	
ST3	<b>1,311.6</b>	623.9	687.7	306.1	632.6	227.4	145.5	
ST4	<b>1,332.8</b>	648.4	684.4	303.2	631.8	254.8	142.9	
<b>2018</b>								
ST1	<b>1,306.9</b>	629.2	677.7	279.2	629.2	259.0	139.5	
ST2	<b>1,408.1</b>	647.2	760.9	314.5	687.4	257.7	148.4	
ST3	<b>1,446.3</b>	704.1	742.2	351.3	683.3	266.9	144.8	
ST4	<b>1,404.0</b>	667.8	736.2	337.2	679.1	245.4	142.3	
<b>2019</b>								
ST1	<b>1,460.8</b>	673.2	787.6	329.5	696.4	263.0	172.0	
ST2	<b>1,417.2</b>	665.3	751.9	338.6	666.0	259.7	152.8	
ST3	<b>1,554.5</b>	699.3	855.2	393.5	705.8	279.1	176.0	
ST4	<b>1,540.9</b>	746.8	794.1	348.4	732.4	287.4	172.7	
<b>2020</b>								
ST1	<b>1,637.3</b>	815.1	822.2	338.3	786.3	310.8	201.8	
ST2	<b>1,674.1</b>	847.7	826.4	393.7	701.9	331.6	246.9	
ST3	<b>1,762.7</b>	865.9	896.9	405.1	811.4	355.3	190.9	
ST4 <sup>f</sup>	<b>1,886.8</b>	1,066.6	820.2	353.5	862.6	443.0	227.6	
<b>2021</b>								
ST1	<b>1,899.9</b>	951.5	948.4	437.2	848.4	401.7	212.5	
ST2	<b>1,852.5</b>	949.0	903.5	336.9	776.0	426.1	313.5	
ST3	<b>1,873.8</b>	931.7	942.2	426.8	835.3	392.0	219.7	
